

Headline	Pembekal mula buat hal		
MediaTitle	Harian Metro (Timur)		
Date	30 May 2018	Color	Full Color
Section	News	Circulation	20,000
Page No	73	Readership	60,000
Language	Malay	ArticleSize	469 cm <sup>2</sup>
Journalist	Mohd Rafi Mamat	AdValue	RM 13,768
Frequency	Daily	PR Value	RM 41,304



# Pembekal mula buat hal

■ **Peniaga terpaksa jual pada harga lebih tinggi berikutan tindakan orang tengah menaikkan harga**

Mohd Rafi Mamat  
cnews@NSTP.com.my

## Kuantan

**P**eniaga sayur di daerah ini terpaksa menaikkan harga beberapa jenis sayur seperti kacang panjang, cili merah, tomato dan timun walaupun mengetahui tindakan itu mengundang masalah kepada mereka.

Peniaga mendakwa mereka terpaksa menjual pada harga lebih tinggi berikutan tindakan pembekal menaikkan harga dengan pelbagai alasan seperti faktor cuaca tidak menentu dan kemeriahan.

Peniaga, Norazira Mohd, 44 yang berniaga di Pasar Tani Pusat Transformasi Bandar (UTC) berkata, harga sayuran mula naik sejak awal Ramadhan lalu sehingga membulat runtung pengguna.

Katanya, empat jenis sayuran iaitu kacang panjang, cili merah, tomato dan timun mencatat kenaikan harga tertinggi antara RM1 hingga RM3 sekilogram (kg) serta ia jangka terus naik setiap



HARGA sayur di Pasar Tani UTC Kuantan naik antara RM1 hingga RM3 berbanding minggu sebelumnya.

minggu hingga selepas Aidilfitri.

Katanya, peniaga mendapat bekalan daripada pembekal tempatan dan luar Pahang pada harga mahal serta bagi mengelak menanggung kerugian harganya perlu di-

naikkan sedikit walaupun mendapat teguran daripada pihak berkuasa.

“Sebagai contohnya harga kacang panjang naik sehingga RM5.50 sekilogram (kg) berbanding RM3.50 hingga RM4.50 kg sebelum ini, ma-

nakala timun RM2 kg berbanding RM1.50 hingga RM1.80 kg.

“Saya akan tunjukkan resit pembelian daripada pembekal sekiranya pegawai Kementerian Perdagangan Dalam Negeri, Koperasi Dan

Kepenggunaan (KPDNK) datang membuat pemeriksaan harga sayuran,” katanya, semalam.

Beliau yang dibantu suami Jamaluddin Husin, 42, berkata, dia mendapatkan bekalan sayur daripada bebe-

rapa pekebun di daerah ini, selain penjual di pasar borong.

Norazira berkata, peniaga sayur kini seolah-olah tersesit antara pendapatan dan arahan kerajaan yang tidak membentarkan harga barang kawan dinaikkan se-suka hati tanpa kebenaran pihak berkuasa.

“Sebagai peniaga yang menjalankan perniagaan secara kecil-kecilan di pasar tani dan pekan sehari modal yang agak besar perlu disediakan namun sekiranya keuntungan yang terlalu rendah diterima sukar untuk meneruskan perniagaan.

“Saya dan peniaga lain bukan tidak mahu mengikut peraturan atau melawan arahan pihak berkuasa tetapi kami kini menjadi serba salah demi mencari sesuap nasi untuk keluarga,” katanya.

Sementara itu Pengarah Lembaga Pemasaran Pertanian Persekutuan (FAMA) Pahang Rosli Aw Da berkata, kenaikan harga sayur termasuk produk pertanian lain berlaku disebabkan pemborong atau orang tengah yang cuba mengaut keuntungan secara berlebihan.

**“Sebagai peniaga yang menjalankan perniagaan secara kecil-kecilan di pasar tani dan pekan sehari modal yang agak besar perlu disediakan namun sekiranya keuntungan yang terlalu rendah diterima sukar untuk meneruskan perniagaan**

**Norazira Mohd**